




# Travelog

# JPS



WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR

**SIDANG REDAKSI**



**PENASIHAT**  
**IR. HJ. MOHD AZMIN, BCN**



**PENYELARAS**  
**IR. YUHASLIN**



**KETUA EDITOR**  
**IR. FARIHAH**



**EDITOR &  
PEREKA GRAFIK**  
**NURWAHIDAH**



**EDARAN**  
**MARGERET**

SEKALUNG  
PENGHARGAAN  
*Terima Kasih*  
PENYUMBANG *Travelog*



**IR. MOHD SHAHRIL**  
**BPB**



**MOHD FAIZAL**  
**BME**



**NURHAYATI**  
**KEJAPS**



**ZAIDIN**  
**SMART**



**IR. NOR FAEZAH**  
**BPSS**



**NOR ZOLHANITA**  
**BPB**



**IR. SANDRA**  
**BPB**



**MOHAMAD HAZLAMI**  
**BHSA**



**MUHAMMAD ZAKWAN**  
**KEJAPS**



**FADILAH**  
**BPEMB**



**WAN HAZIQ LUQMAN**  
**PLSK**



**MUHAMMAD ARIFF**  
**BPSS**



**NURWAHIDAH**  
**BKOR**



**NORHASHIFA**  
**BKOR**



**MOHD KHAIRUL RIZAL**  
**BME**



**MOHAMAD ZAMRI**  
**KEJAPS**



**NOOR IBRAHIM**  
**KEJAPS**



**MOHD JAMAL**  
**KEJAPS**



**MUHAMMAD HAZMAN**  
**BPEMB**



**MUHAMMAD TAUFIQ**  
**BHSA**



**NOR AZURA**  
**BPSS**

**PENERBIT**

BAHAGIAN KORPORAT  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50626 KUALA LUMPUR

# ISI KANDUNGAN

1



2



3



## LAWATAN TAPAK KE KOLAM TAKUNGAN BANJIR (KTB) BOHOL, KUALA LUMPUR

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN BANJIR (BPB)



Pada 10 Julai 2023, YBhg. Datuk Seri Sollehuddin Alyubi Bin Zakaria, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Lawatan tapak ke Kolam Takungan Banjir (KTB) Bohol. Lawatan ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ir.

Sabri Bin Abdul Mulok Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia, YBhg. Datuk Sr. Hj. Kamarulzaman Bin Mat Salleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, dan Ir Hj. Azmin bin Husin, Pengarah JPS WPKL. Seramai 35 orang pegawai kanan dari

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pegawai kanan dari JPS Malaysia telah menyertai lawatan ini. Taklmat ini telah diadakan di Kompleks Komuniti Muhibbah, Bukit Oug, Kuala Lumpur.



Lawatan ini diadakan bagi memberikan input kepada pihak JPM berkenaan Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kuyoh.

Objektif lawatan Jabatan Perdana Menteri JPM yang diwakili oleh YBhg. TKSUK adalah untuk mendapatkan input terutamanya dari Jabatan Pengairan dan Saliran, dan juga agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi menyelesaikan isu banjir di sekitar kawasan Lembangan Sungai Kuyoh & Kuala Lumpur.



# LAWATAN KERJA YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor ke Projek Stormwater Management and Road Tunnel (SMART), Kuala Lumpur.

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART (SMART)

Pada 10 Julai 2023, Pejabat Operasi, Pusat Kawalan SMART telah menerima satu sesi lawatan daripada YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Alam Sekitar, Warisan dan Budaya Negeri Johor. Sesi lawatan tersebut telah dihadiri oleh YB Tuan Raven Kumar A/L Krishnasamy, Ir. Amiruddin bin Alaldin, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) JPS Malaysia, dan turut dihadiri En Azren bin Khalil, Pengarah JPS Negeri Johor.

Lawatan tersebut telah dimulakan dengan sesi taklimat pengoperasian SMART Tunnel yang telah disampaikan oleh En Zaidin bin Matsin dan lawatan ke bilik operasi berkenaan sistem Flood Detection System (FDS), System Interpretation serta Standard Operating Procedure (SOP) yang digunakan di Pusat Kawalan SMART.



# LAWATAN TAPAK AHLI MESYUARAT JPPP BIL 3/2023 KE PROJEK RTB UPPER KLANG, MENGOREK KOLAM BEREMBANG

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN BANJIR (BPB)

6 Julai 2023, satu lawatan ke Kolam Berembang untuk Projek RTB Upper Klang telah diadakan di Kolam Berembang, Pusat Kawalan SMART untuk memberi maklumat dan penerangan mengenai status projek kepada ahli mesyuarat JPPP Bil 3/2023.

Turut Hadir bagi sesi lawatan ini, Pengarah Bahagian Projek Khas, Ibu Pejabat JPS Malaysia, Ir. Mat Pua'at bin Mat Husain. Seramai 25 Pegawai dari JPS WPKL, Pusat Kawalan SMART dan Pasukan Kontraktor serta Perunding projek yang merupakan Ahli Mesyuarat JPPP JPS Bil 3/2023.



# LAWATAN TAPAK & SESI INTERVENSI KE PROJEK RTB SUNGAI BUNUS, W.P. KUALA LUMPUR – MENYIAPKAN BAKI KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PULAPOL KUALA LUMPUR

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Pada 2 Ogos 2023, satu sesi lawatan tapak bersama Ketua Pengarah JPS telah diadakan bagi meninjau penyiapan baki kerja membina dan menyiapkan kolam takungan banjir serta kerja-kerja berkaitan di Pulapol, Kuala Lumpur. Turut hadir bersama wakil P.P, Wakil PP Pakar, Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir, Perunding Azman, Ooi dan Roa dan pihak kontraktor Permata Iltizam Sdn. Bhd.

Projek Kolam Takungan Banjir Bawah Tanah Pulapol ini merupakan sebahagian daripada Sistem Tebatan Banjir Sungai Bunus. Dengan penyiapan kolam takungan banjir bawah tanah ini, ianya akan diintegrasikan dengan 5 kolam takungan lain di Sungai Bunus yang telah siap dibina oleh JPS bagi membantu mengawal banjir di kawasan Setapak, Jalan Semarak, Institut Jantung Negara, Perpustakaan Negara Dan Sekitar Kampung Baru.



# LAWATAN KE PUSAT KAWALAN SMART DARI DELEGASI JABATAN KEJURUTERAAN AWAM (UKM) FAKULTI KEJURUTERAAN & ALAM BINA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART (SMART)

Pada 26 Julai 2023, Pusat Kawalan SMART telah menerima lawatan pelajar dari delegasi Jabatan Kejuruteraan Awam (UKM) Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Seramai 10 orang pelajar telah menyertai sesi lawatan ini. Lawatan tersebut untuk memberi pendedahan berkaitan operasi Pusat Kawalan SMART dalam mengurangkan risiko banjir di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. Taklimat Operasi SMART telah disampaikan oleh En. Amirul Rusydie bin Rajali.



# BENKEL SIGN-OFF USER REQUIREMENT SPECIFICATION (URS) BAGI PROJEK PEMBANGUNAN SEMULA LAMAN WEB RASMI JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)



Satu Bengkel Sign-Off User Requirement Specification (URS) Bagi Projek Pembangunan Semula Laman Web Rasmi Jabatan Pengairan Dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya Dan Labuan telah diadakan pada 16-17 Ogos 2023 bertempat di Swiss Garen Hotel, Genting Highlands. Bengkel ini dianjurkan oleh Ibu pejabat Bahagian Pengurusan Maklumat, JPS Malaysia. Turut hadir pegawai-pegawai dari JPS WPKL, Ir Fariah selaku Ketua Bahagian Korporat, pegawai dari JPS WP Putrajaya, JPS WP Labuan dan Ibu Pejabat Bahagian Pengurusan Maklumat, JPS Malaysia.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menghasilkan dokumen, memuktamadkan dan menandatangani (sign-Off) keperluan pengguna (URS) bagi pembangunan semula Laman Web Rasmi JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.



# MAJLIS AMANAT KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC) DAN KETUA PENGARAH, JPS MALAYSIA KEPADA WARGA JPS

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

8 Ogos 2023, Majlis Amanat Ketua Pengarah JPS Malaysia kepada warga JPS telah diadakan di Ibu Pejabat JPS Malaysia, Cyberjaya. Turut hadir YBhg. Dato' Haji Rosli bin Isa, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) yang telah menyampaikan ucapan amanat kepada semua warga JPS Malaysia.

Dalam majlis ini juga turut diadakan sesi serah tugas Ketua Pengarah JPS yang baharu iaitu YBhg. Mejar (K) Dato' Dr. Ir. Haji Ahmad Anuar bin Othman, Ketua Pengarah JPS Malaysia daripada YBhg. Dato' Dr. Ir. Md. Nasir bin Md. Noh, Mantan Ketua Pengarah JPS Malaysia, Pelancaran GIS Hackathon dan Pentauliah Jurutera Profesional (PE) JPS yang disempurnakan oleh Ketua Pengarah. Sesi Bacaan doa telah diketuai oleh Tn Hj. Zul bin Mohamad, Pengarah Operasi PLSK.



## LAWATAN KE PUSAT KAWALAN SMART DARI DELEGASI BAHAGIAN PEMBANGUNAN, KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART (SMART)

Pada 21 Ogos 2023, Pusat Kawalan SMART telah menerima lawatan delegasi dari Pegawai Kanan, Bahagian Pembangunan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). Seramai 3 orang pegawai yang telah hadir ke lawatan tersebut. Taklimat operasi SMART telah disampaikan oleh Ir. Mohamad Hafizul Bin Hamid.



## LAWATAN KE PUSAT KAWALAN SMART DARI DELEGASI CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN, JABATAN KERJA RAYA

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART (SMART)

Pada 23 Ogos 2023, Pusat Kawalan SMART telah menerima lawatan delegasi dari pegawai-pegawai Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan, Jabatan Kerja Raya Malaysia. Seramai 45 orang pegawai telah hadir ke sesi lawatan ini. Sesi taklimat kali ini telah disampaikan oleh En. Zaidin bin Matsin. Turut hadir bersama wakil pegawai dari JPS WPKL.



## LAWATAN KE PUSAT KAWALAN SMART DARI DELEGASI MINISTRY IN CHARGE OF EMERGENCY MANAGEMENT RWANDA BERSAMA NADMA-UTM

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART

Pada 29 Ogos 2023, Pusat Kawalan SMART telah menerima lawatan delegasi dari Ministry in Charge of Emergency Management Rwanda' bersama Agensi Pegurusan Bencana Negara (NADMA)-UTM. Seramai 12 orang pegawai telah serta dalam sesi lawatan ini. Sesi taklimat telah disampaikan oleh En. Zaidin bin Matsin. Turut hadir bersama wakil pegawai dari Bahagian Korporat, Ibu Pejabat JPS Malaysia.

## SESI AUDIT DALAMAN ISO 9001 : 2015 - PERKHIDMATAN PENGURUSAN DATA HIDROLOGI NASIONAL (RHN) DI JPS WPKL

OLEH : BAHAGIAN HIDROLOGI DAN SUMBER AIR (BHSA)

11 September 2023, satu sesi pengauditan Audit Dalaman (MS ISO 9001:2015) bagi Perkhidmatan Pengurusan Data Hidrologi Nasional (RHN) di JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diadakan di bilik operasi, Bahagian Hidrologi dan Sumber Air (BHSA) JPS WPKL. Sesi pengauditan ini telah dijalankan selama dua (2) hari.

Pengauditan ini dijalankan bertujuan untuk memastikan sistem kualiti yang dilaksanakan mengikut perancangan seperti yang telah ditetapkan dan memastikan dokumen Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) telah mengambilkira semula keperluan kehendak Standard MS ISO 9001:2015. Di samping itu juga, untuk menilai keberkesanan sistem pengurusan Kualiti yang diwujudkan. Hasil penemuan sesi auditan tersebut, tiada laporan pemerhatian dikenakan di JPS WPKL.



## LAWATAN KE PUSAT KAWALAN SMART DARI DELEGASI CURTIN CIVIL SOCIETY CIVIL AND CONSTRUCTION ENGINEERING DEPARTMENT CURTIN UNIVERSITY MALAYSIA

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART (SMART)

Pada 6 Ogos 2023, Pusat Kawalan SMART telah menerima lawatan pelajar dari Delegasi Curtin Civil Society Civil and Construction Engineering Department Curtin University Malaysia'.

Seramai 27 orang pelajar telah turut serta dalam sesi lawatan ini. Sesi taklimat telah disampaikan oleh En. Barry Desmond bin Tingkau.



# BENKEL PENGUKURAN HALUS, PERIZABAN DAN PEWARTAAN SUNGAI-SUNGAI DAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Pada 27-30 Ogos 2023, satu bengkel Pengukuran Halus, Perizaban dan Pewartaan Sungai-Sungai dan Kolam Takungan Banjir di WPKL telah diadakan di Espira Kinrara, Puchong. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Ir. Haji Mohd Azmin Bin Hussin, Pengarah JPS WPKL. Bengkel ini dilaksanakan bagi mendapatkan input dan maklumat dalam merealisasikan perizaban dan pewartaan sungai dan kolam di bawah seliaan JPS WPKL. Bengkel ini disertai oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar

dan Perubahan Iklim(NRECC),Bahagian di Ibu Pejabat, JPS Malaysia, Jabatan Wilayah Persekutuan(JWP),Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Pejabat Tanah dan Galian(PTG WPKL), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia(JUPEM dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Bengkel ini telah dibahagikan kepada dua (2) kumpulan iaitu Pengarah Pengurusan Fasiliti dan GIS, Gs. Baharudin mengetuai bagi skop perizaban & pewartaan sungai manakala Timbalan Pengarah Saliran Mesra Alam Ir. Azmi bin Amat mengetuai bagi skop perizaban & pewartaan kolam. Hasil sesi perbincangan dan libat urus bersama agensi yang terlibat telah menghasilkan satu deraf terma rujukan, spesifikasi dan senarai kuantiti bagi kerja ukur perizaban dan pewartaan sungai dan kolam.





## SESI SIGN OFF BENGKEL PENGUKURAN HALUS, PERIZABAN DAN PEWARTAAN SUNGAI SUNGAI DAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Sesi Sign Off Bengkel ini telah diadakan pada 30 Ogos 2023 yang ditandatangani dari wakil pegawai Agensi Luar seperti NRECC, JWP, JKPTG, JUPEM, PTG WPKL, dan DBKL. Pihak JPS WPKL mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua wakil agensi yang terlibat dalam bengkel ini.



## LAWATAN KE SMART DARI DELEGASI SKUAD PENYELAMAT DBKL & JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN(BAHAGIAN PENGURUSAN BENCANA)

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART (SMART)

13 September 2023, Pusat Kawalan SMART telah menerima kunjungan hormat Lawatan Turun Padang (TUPA) dari delegasi Jabatan Wilayah Persekutuan yang diketuai oleh YBrs. Tuan Ramlee b Yatim, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan & Pembangunan), bersama YBhg. Datin Zakiah Syerina Balqis bt Taha, Ketua Penolong Pengarah serta wakil-wakil pegawai di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan lain-lain agensi.

Turut hadir adalah YBrs. Tuan Haji Mohd Azmin b Hussin, Pengarah JPS WP Kuala Lumpur. Seramai 25 orang telah hadir untuk sesi lawatan ini.



## SEMINAR TATACARA PEROLEHAN SEBUTHARGA KERAJAAN

OLEH : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, JPS WPKL (KEJAPS)

21 September 2023, satu Seminar Tatacara Perolehan Sebutharga Dan Tender Kerajaan telah diadakan di Auditorium Tun Ahmad Sarji, Menara LPP, Kuala Lumpur. Seminar ini telah dirasmikan oleh YBhg. Ir. Haji Mohd Azmin Bin Hussin, Pengarah JPS WPKL. Turut hadir bersama, Timbalan Pengarah JPS WPKL, Ir. Yuhasin Binti Yusof dan Tn. Haji Zul Bin Mohammad, Pengarah Operasi Pejabat Lembangan Sg. Klang.

Seminar ini diadakan untuk memberi pendedahan secara komprehensif kepada pemain industri yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan perolehan melalui sebutharga dan tender kerajaan. Sesi penyampaian ceramah bagi tatacara perolehan telah disampaikan oleh Pn. Hazlina selaku Ketua Bahagian Perolehan. Manakala penyampaian Taklimat Arahan Perbendaharaan oleh En. Elizuan, Ketua Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPSWPKL. Seramai 60 orang peserta terdiri daripada kontraktor dan pegawai JPS telah hadir ke seminar ini.



# LAWATAN KE SMART DARI DELEGASI JPS NEGERI SABAH

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART (SMART)

Pada 25 September 2023, Pusat Kawalan SMART telah menerima lawatan dari pegawai-pegawai JPS Negeri Sabah. Seramai 10 orang pegawai telah menghadiri sesi lawatan tersebut. Taklimat kali ini telah disampaikan oleh En. Zaidin bin Matsin.



# SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA (HSS) PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2023

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR) DAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUNGAI DAN SALIRAN (BPSS)

Sambutan Hari Sungai Sedunia (HSS) tahun 2023 Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 24 September 2023 bertempat di Pasar Terapung Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Negeri Perlis. Tujuan sambutan HSS ini dilaksanakan di Perlis adalah sebagai salah satu inisiatif untuk mempertingkatkan aktiviti ekonomi yang berasaskan sumber air.

Susulan penetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah menetapkan Hari Sungai Sedunia disambut pada hari Ahad terakhir dalam bulan September setiap tahun. Sekali lagi "Waterways in Our Community" atau "Alur Air Dalam Komuniti" telah diangkat sebagai tema Sambutan HSS tahun ini. Ini menunjukkan betapa pentingnya usaha untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai kepentingan untuk menjaga dan memastikan kelestarian sungai serta menghargai sungai sebagai salah satu sumber khazanah negara.

HSS Peringkat Kebangsaan telah dianjurkan oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia dengan kerjasama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan seperti senamrobik, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak, pertandingan memancing, 'treasure hunt', pertandingan kayak, jualan produk-produk tempatan dan banyak lagi acara yang menarik.

Pengarah JPSWPKL, Ir Hj. Mohd Azmin dan Timbalan Pengarah JPSWPKL, Ir. Yuhasin serta Pengarah Operasi PLSK, Tn Hj. Zul telah turut hadir dalam menjayakan program ini.






# MAJLIS PENYAMPAIAN

## & SERAHAN BENDERA KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JPS WPKL (KEJAPS)

OLEH : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, JPS WPKL (KEJAPS)

27 September 2023, satu majlis Penyampaian Amanat Pengerusi dan Serahan Bendera KEJAPS telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, JPS WPKL. Majlis ini bertujuan untuk menyampaikan amanat kepada kontinjen KEJAPS yang akan menyertai Program Kecemerlangan Dan Kecergasan , Karnival Sukan JPS Ke XVI Tahun 2023 di Ipoh, Perak. JPS WPKL telah menghantar 13 Paukan yang dianggotai seramai 60 Org peserta terdiri daripada ahli KEJAPS telah terlibat dalam kejohanan ini.

Selain itu juga, Pengerusi KEJAPS turut memaklumkan sasaran KEJAPS untuk edisi sukan JPS pada kali ini dan mengumumkan insentif yang ditawarkan kepada ahli KEJAPS yang berjaya pada kejohanan tersebut.



# AMANAT PENGERUSI KEJAPS

**BAGI PROGRAM KECEMERLANGAN & KECERGASAN,  
KARNIVAL SUKAN KE-XVI JPS MALAYSIA**





# *Karnival Sukan* KE-16 JPSTAHUN 2023

## PROGRAM KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN





Sepak Takraw



Dart (P)



Merentas Desa



Golf



Dart (L)



Snooker

# KONTINJEN KEJAPS



Dam Aji



Carom



Badminton



Bola Tampar (L)



Bola Tampar (P)



Bola Sepak



Bowling

# MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW

## PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN 1445H/2023M

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 14 Oktober 2023 (Sabtu) bersamaan 28 Rabiulawal 1445H, Kontinjen JPS WPKL berarak dengan penuh penghayatan sempena Sambutan Majlis Maulidur Rasul SAW Peringkat Wilayah Persekutuan 1445H/2023M ini telah diadakan di Dewan Serbaguna Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Seramai 30 orang wakil dari JPS WPKL, Pejabat Lembaga Sg Klang (PLSK) dan Pusat Kawalan SMART telah mewakili Jabatan bagi penyertaan Perarakan Kontinjen Maulidur Rasul SAW peringkat Wilayah Persekutuan pada kali ini.

Turut Hadir Bersama Pengarah JPS WPKL, Ir Hj Mohd Azmin Bin Husin dan Pengarah Operasi PLSK, Tn Hj Zul bin Mohammad yg turut mengetuai bacaan selawat sepanjang perarakan Kontinjen Maulidur Rasul SAW diadakan.



## SESI RAPTAI PERARAKAN KONTINJEN JPS WPKL





# BACAAN SURAH YASSIN WARGA JPS WPKL

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Program bacaan surah Yassin ini telah diadakan setiap hari Jumaat diketuai oleh wakil Bahagian-Bahagian di JPS WPKL secara bergilir-gilir setiap minggu. Selesai bacaan Surah Yassin ini, Ir. Hj. Mohd Azmin, Pengarah JPS WPKL akan memberikan sedikit tazkirah ringkas kupasan bacaan kitab Shahih Bukhari, Al Imam Al Bukhary untuk disampaikan kepada warga JPS WPKL yang beragama Islam bagi pengkongsian ilmu dalam kupasan kitab tersebut.



# LAWATAN KERJA YB MENTERI KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM KE JPS WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Pada 11 Oktober 2023 (Rabu), Menteri Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah mengadakan lawatan kerja ke bilik operasi, Bahagian Hidrologi dan Sumber Air (BHSA) JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tujuan lawatan adalah untuk meninjau kesiapsiagaan bilik operasi JPS WP Kuala Lumpur menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2023/2024. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pengarah JPS WP Kuala Lumpur, Ir. Hj. Mohd. Azmin bin Hussin.



## KUNJUNGAN HORMAT MASJID JAMEK SULTAN ABDUL SAMAD KUALA LUMPUR KE JPS WPKL

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Pada 12 Oktober 2023, satu lawatan kunjungan hormat dari Ketua Eksekutif, Tn. Hj Ahmad Rosidi dan Ahli Jawatankuasa Masjid Jamek Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur telah diadakan di bilik mesyuarat Utama, JPS WPKL.

Lawatan ini bertujuan bagi meninjau persediaan JPS dalam isu banjir di sekitar Masjid Jamek Sultan Abdul samad Kuala Lumpur.

# LAWATAN YB MENTERI NRECC KE KOLAM TAKUNGAN JINJANG BAGI MENINJAU KESIAPSIAGAAN JPS WPKL DALAM MENGHADAPI MUSIM MONSUN TIMUR LAUT DI KUALA LUMPUR

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR) & PEJABAT LEMBANGAN SUNGAI KLANG (PLSK)

Pada 12 Otober 2023, satu lawatan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah membuat lawatan kerja ke Kolam Takungan Banjir Jinjang di Kuala Lumpur yang terdiri daripada Kolam Wahyu, Kolam Delima dan Kolam Nanyang bagi meninjau kesiapsiagaan Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPS WPKL) dalam menghadapi musim Monsun Timur Laut.

Turut serta dalam lawatan ini YBhg. Dato' Razali bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetulan) Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YBhg. Dato' Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri, Setiausaha Bahagian Kanan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YBhg. Mejar (K) Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Anuar bin Othman, Ketua Pengarah JPS, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dan Jabatan.



Komponen pengurusan banjir Kuala Lumpur telah dibahagikan kepada tiga (3) pakej utama berdasarkan Master Plan Tebatan Banjir Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Pakej A merupakan Projek Pengurusan Air Ribut Terowong SMART, Pakej B merupakan Pengurusan Air Ribut di Lencongan Gombak dan Lencongan Keroh dan Pakej C merupakan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bunus. Komponen KLFM B yang terdiri dari Lencongan Gombak, Lencongan Keroh, Kolam Takungan Batu dan Kolam Takungan Jinjang dengan kapasiti keseluruhan sebanyak 7.0 juta meter padu.

JPS WPKL telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sampah yang tersangkut di inlet dan outlet Kolam Delima dan Nanyang secara berkala dengan kekerapan seminggu (1) kali untuk kedua - dua kolam tersebut.

# PROGRAM PENEMPATAN SEMULA PENDUDUK TERLIBAT DENGAN PROJEK PEMBONGKARAN DAN PENUTUPAN SEMULA TEROWONG LENCONGAN BANJIR DI KAMPUNG PINDAH, KAMPONG BHARU, KUALA LUMPUR

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN BANJIR (BPB)

3 Oktober 2023, satu sesi Libat Urus Bil. 2/2023 bagi Program Penempatan Semula Penduduk yang terlibat dengan Projek Pembongkaran Dan Penutupan Semula Terowong Lencongan Banjir Di Kampung Pindah, Kampong Bharu telah diadakan di Perbadanan Pembangunan kampung Bharu. Turut hadir, YBhg. Datuk Azman Bin Abidin, Setiausaha Politik YAB Perdana Menteri. Ir. Hj. Mohd Shahril Bin Mohd, Ketua Penolong Pengarah, BPB JPSWPKL, Ir. Ts. Noor Aishah Binti Zaharin, BPB Ibu Pejabat JPS Malaysia dan YBrs Dr. Amir Raslan Bin Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif, PKB.

Seramai 40 Penduduk Kampung Indah dan 15 pegawai JPS dan PKB yang terlibat dalam sesi ini. Tujuan sesi libat urus ini dilaksanakan adalah untuk menyerahkan Notis Pengosongan Premis kepada pemilik tanah Kampung Pindah yang terlibat dengan pelaksanaan Projek Pembongkaran Dan Penutupan Semula Terowong Lencongan Banjir di Kampung Pindah, Kampong Bharu, Kuala Lumpur yang akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPS WPKL).



## LAWATAN TURUN PADANG (TUPA) KETUA PENGARAH (KP) JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JWP) KE KOLAM TAKUNGAN BANJIR (KTB) BOHOL

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Pada 14 November 2023, satu lawatan turun padang (TUPA) dari KP JWP telah diadakan di Kolam Takungan Banjir (KTB) Bohol.

Lawatan ini bertujuan bagi melihat keadaan semasa kolam takungan untuk tujuan pewartaan oleh pihak PTG WPKL. Pewartaan ini penting dilaksanakan supaya kolam takungan ini dapat dikekalkan sekali gus dapat mengurangkan risiko banjir di Kuala Lumpur.



## SAFETY AWARENESS TRAINING FOR WORKING IN CONFINED SPACE

OLEH : BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTIKAL (BME)

26 Oktober 2023, satu sesi latihan berkaitan Bekerja Di Ruang Terkurung telah diadakan di Pusat Kawalan SMART telah dihadiri seramai 23 orang pegawai JPS WPKL bertujuan memberi pengetahuan, pendedahan dan kesedaran kepada kakitangan dalam menegenalpasti bahaya, cara kerja yang selamat, penggunaan PPE yang betul serta cara kemasukan kedalam ruang terkurung dengan cara yang betul.

Latihan ini disampaikan oleh En Khairul Anuar Bin Ghazali dari Koperasi Usahawan Keselamatan dan Kesihatan Selangor Berhad dengan kerjasama USS Engineering Sdn Bhd bersama Powerlect Engineering (M) Sdn Bhd.



## AWARENESS TRAINING OF AN OSH MANAGEMENT SYSTEM (OSH – MS)

OLEH : BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTIKAL (BME)

Pada 30 Oktober 2023, satu kursus mengenai Awareness Training of An Osh Management System (OSH-MS) telah diadakan di Galeria, Pusat Kawalan SMART. Kursus ini dirasmikan oleh Pengarah JPS WPKL, Ir Mohd Azmin bin Husin. Seramai 19 orang wakil pegawai dari Jawatankuasa Kesihatan Keselamatan Pekerja (JKKP) telah menghadiri kursus ini dimana tenaga pengajar kursus ini telah disampaikan oleh En. Mohd Fitteri Shah Bin Ngah Deraman dari USS Engineering. Beliau adalah seorang 'Safety and Health Manager' yang sangat berpengalaman dalam bidang KKP.

Objektif Kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan, pendedahan dan kesedaran kepada Ahli JKKP JPSWPKL dalam sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan juga penambahbaikan dalam menguruskan sistem tersebut. Kursus ini juga bertujuan untuk memastikan setiap Ahli JKKP mengingati kembali fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa ini bagi memastikan pengurusan KKP JPSWPKL sentiasa dalam keadaan terbaik.



## INTRODUCTION TO FIRST AID & CPR TRAINING

OLEH : BAHAGIAN MEKANIKAL DAN ELEKTIKAL (BME)

12 Oktober 2023, satu kursus asas pertolongan cemas telah diadakan di Institut Latihan, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, Ibu Pejabat Kebangsaan, Jalan Wisma Putra, Kuala Lumpur. Pengisian Kursus ini disampaikan En Azizan, pegawai dari Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia.

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan asas tentang langkah-langkah bantu mula yang perlu dilakukan oleh kakitangan dalam menghadapi situasi kecemasan.

## OPERASI PENGOSONGAN TAPAK DI ATAS TANAH KERAJAAN SIMPANAN SUNGAI TERLETAK BERHAMPIRAN KG. PUAH, MUKIM SETAPAK, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

OLEH : BAHAGIAN PEMBANGUNAN (BPEMB)

19 Oktober 2023, satu Operasi Pengosongan Tapak Di Atas Tanah Kerajaan Simpanan Sungai Terletak Berhampiran Kg. Puah, Mukim Setapak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Operasi pengosongan tapak di atas tanah kerajaan simpanan sungai terletak berhampiran Kg. Puah, Mukim Setapak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan sebuah kandang kambing yang telah dibina di atas rizab Sungai Gombak di Kampung Puah. Operasi ini telah diketuai oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTG WP) juga disertai oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal DBKL, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan (JPS WPKL) serta SWCorp Wilayah Persekutuan.

Tujuan operasi ini diadakan adalah untuk merobohkan kandang kambing yang telah dibina tanpa sebarang kelulusan. Pengosongan tapak di atas rizab sungai tersebut diperlukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan sungai oleh JPS WPKL. Di antara kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh pihak JPS WPKL adalah seperti pembaikan tebing sungai, pengorekan kelodak dan pemotongan rumput di sekitar kawasan tersebut. Kewujudan kandang kambing atau mana-mana struktur kekal di atas rizab sungai akan menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan pada masa akan datang. Selain itu, ia turut mencemarkan kualiti air sungai sedia ada.





## LAWATAN 30TH IHP REGIONAL STEERING COMMITTEE MEETING FOR ASIA AND THE PACIFIC KE SMART

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART (SMART)

10 November 2023, Pusat Kawalan SMART telah menerima lawatan pelajar dari delegasi '30th IHP Regional Steering Committee Meeting for Asia and the Pacific'.

Seramai 37 ahli mesyuarat tersebut telah hadir ke sesi lawatan ini. Taklimat operasi SMART telah disampaikan oleh En. Amirul Rusydie bin Rajali. Dalam sesi lawatan ini, kedua-dua pihak saling bertukar pandangan mengenai pengurusan operasi Pusat Kawalan SMART.



## SAMBUTAN HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA (HPTN)

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

Sambutan Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) telah diadakan pada 4-5 Disember 2023. Sambutan HPTN ini merupakan wadah bagi menghargai jasa para profesion teknikal atas sumbangan besar mereka terhadap kemajuan infrastruktur dan pemodenan negara yang meliputi pelbagai bidang teknikal antaranya kejuruteraan, astronomi, sains, teknologi, pembinaan, senibina, ukur dan sebagainya.

HPTN juga salah satu inisiatif untuk memberi galakan dan melahirkan tenaga mahir dalam bidang teknikal, terutamanya kepada generasi muda. Program ini menyediakan platform kepada profesion teknikal untuk menyuarakan pandangan dan idea-idea bernas serta peluang untuk berinteraksi dengan masyarakat bagi meningkatkan martabat dan taraf Profesion Teknikal.

Ketua Bahagian Banjir, Ir. Shahril dan Ketua Bahagian Hidrologi dan Sumber Air, En Mohd Hazlami telah turut hadir dalam menjayakan program ini.



# SESI POST MORTEM DAN PENYERAHAN INSENTIF BAGI PROGRAM KECEMERLANGAN DAN KECERGASAN KARNIVAL SUKAN KE-XVI JPS TAHUN 2023 (KEJAPS), PENYERAHAN INSENTIF DAN SESI PENYAMPAIAN PINGAT

OLEH : KEJAPS & BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)

19 Oktober 2023, satu sesi Post Mortem sempena temasya Sukan JPS ke-16 yang dipertandingkan di Ipoh Perak pada 29 September 2023 - 1 Oktober 2023 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama JPS WPKL. .

Tujuan sesi post mortem ini diadakan adalah untuk mengenalpasti dan menganalisa pencapaian yang telah diraih semasa temasya Sukan JPS ke-16 yang lalu bagi membuat penambahbaikan bagi setiap acara sukan yang telah disertai dalam menghadapi Sukan MAKSAK yang bakal berlangsung di Pulau Pinang dua tahun lagi.

Warga KEJAPS mengucapkan tahniah dan syabas kepada dua acara sukan yang telah meraih pingat iaitu Pasukan Dart - Lelaki (Perak) dan Pasukan Snooker - individu (Gangsa). KEJAPS turut meraikan kejayaan bagi Pasukan Karom yang telah berjaya meraih pingat Gangsa dalam Sukan NRECC sempena Hari Sukan Negara yang telah diadakan pada 14-15 Oktober 2023.



# LAWATAN PELAJAR UTHM

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT & SMART

Pada 30 November 2023, seramai 33 orang pelajar Tahun 3, jurusan Kejuruteraan Awam, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melawat Pusat Kawalan SMART dan RWTP Sg Sering di bawah seliaan Pejabat Lembaga Sungai Klang.

Rombongan diiringi oleh Profesor Madya Ir. Dr. Adib, dan turut hadir adalah Dato' Ir. Sabri, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes). Sesi lawatan kali ini turut dihadiri oleh Dato' Ir. Abdullah, mantan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia turut sama berkongsi pengalaman peringkat awal pembinaan dan permulaan operasi Pusat Kawalan SMART.



# AMALI PROSEDUR KUTIPAN DAN PENGAWETAN SAMPEL KUALITI AIR BAGI TUJUAN PENGHANTARAN SAMPEL KE JABATAN KIMIA MALAYSIA

OLEH : BAHAGIAN HIDROLOGI DAN SUMBER AIR (BHSA)

22 November 2023, Ibu pejabat Bahagian Sumber Air dan Hidrologi (BPSAH) JPS Malaysia telah menganjurkan Amali Prosedur Kutipan dan Pengawetan Sampel Kualiti Air Bagi Tujuan Penghantaran Sampel Ke Jabatan Kimia Malaysia. Sesi amali ini telah dihadiri oleh tiga (3) orang pegawai daripada Bahagian Hidrologi dan Sumber Air (BHSA) JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur .

Sesi amali ini ini diadakan bertujuan untuk persediaan bagi memulakan semula operasi kutipan dan penghantaran sampel kualiti air sungai yang akan dilaksanakan secara berkala oleh JPS Negeri ke Jabatan Kimia Malaysia bagi tujuan analisa.

Sesi amali ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh Encik Mohd Nazaruddin Bin Ghazali (KPPK BPSAH), taklimat ringkas daripada urusetia BPSAH dan seterusnya pengambilan sampel air di dalam sungai. Melalui sesi amali yang dijalankan ini, kecekapan dan kefahaman berkenaan penggunaan penggunaan peralatan kualiti air (portable Sonde, alat persampelan, botol sampel danlain-lain) oleh pegawai-pegawai yang akan melaksanakan sesi pengambilan sampel kualiti air ini dapat dipertingkatkan lagi.



# LAWATAN YB MENTERI NRECC KE PASAR BORONG SELAYANG BAGI MENINJAU ISU PEMBUANGAN SAMPAH YANG MELALUI SUNGAI JINJANG DAN ANAK SUNGAI UDANG

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT & PLSK

6 November 2023, satu lawatan YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad telah diadakan di Pasar Borong Selayang bagi meninjau isu pembuangan sampah yang melalui Sungai Jinjang dan anak Sungai Udang sebelum memasuki Kolam Takungan Banjir Jinjang di Kuala Lumpur. Lawatan ini turut dihadiri oleh YB Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Terdapat dua (2) sungai yang melalui Pasar Borong Selayang dan Pasar Borong Kuala Lumpur iaitu Sungai Jinjang dan Anak Sungai Udang. Bagi memastikan aliran air sungai berjalan lancar dan mengurangkan risiko banjir, JPS WPKL melalui Pejabat Lembangan Sungai Klang (PLSK) dan JPS Selangor melalui JPS Daerah Gombak telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan membersihkan sampah yang tersangkut di struktur-struktur perangkap sampah seperti Gross Pollutant Trap (GPT), Log Boom dan Trash Rake dengan kekerapan kutipan sekali seminggu atau lebih kerap mengikut keperluan.



Selain daripada mengurangkan risiko banjir, kerja-kerja penyelenggaraan perlu dilaksanakan bagi memastikan kelestarian sungai terpelihara. Selain melalui kawasan pasar borong, kedua-dua sungai ini melalui kawasan kediaman yang agak padat seterusnya menyumbang kepada faktor peningkatan jumlah sampah di struktur perangkap sampah tersebut.

NRECC dan agensi-agensi lain yang berkaitan menyeru agar masyarakat lebih perihatin dan memandangkan serius isu pembuangan sampah ke dalam sungai bagi mengurangkan risiko banjir demi kesejahteraan sejagat serta kelestarian alam sekitar.

# LAWATAN TAPAK OLEH TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN (JWP) KE SISTEM INTERCEPTOR PAKEJ ICID PROJEK RIVER OF LIFE (ROL) FASA 2

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN SUNGAI DAN SALIRAN (BPSS)

Pada 5 Disember 2023, satu sesi lawatan teknikal oleh Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Jabatan Wilayah Persekutuan, Pn. Nur Syahidah Chia Binti Abdullah ke Sistem Interceptor Pakej ICID Projek River of Life (ROL) Fasa 2 telah diadakan.

Objektif lawatan ini adalah untuk memberi penerangan lanjut mengenai operasi sistem interceptor yang telah siap dibina dan telah beroperasi sepenuhnya kepada pegawai-pegawai daripada Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP). Antara tempat yang dilawati adalah 'Sullage Water Treatment Plant' (SWTP), Combined Storm Water Overflow (CSO) dan Pump Station (PS) yang berada berdekatan dengan Lorong Bunus dan Masjid India Kuala Lumpur. Sesi penerangan teknikal telah disampaikan oleh Ir. Ts. Mohd. Rizal Firdaus bin Wahhit, Penolong Pengarah dan Cik Nor Azura binti Mohd Yusof, Penolong Jurutera dari Bahagian Pengurusan Sungai dan Saliran, JPS WPKL.



## PROGRAM CERAMAH TAHUNAN KEJAPS

OLEH : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, JPS WPKL (KEJAPS)

Pada 8 Disember 2023, satu program Ceramah Agama Tahunan KEJABS telah diadakan di Auditorium Tun Ahmad Sarji, Menara LPP, Kuala Lumpur. Turut hadir bersama, YBhg. Ir. Haji Mohd Azmin Bin Hussin, Pengarah JPS WPKL, Ir. Yuhaslin Binti Yusof, Timbalan Pengarah JPS WPKL (Timbalan Pengerusi KEJAPS), Tuan Haji Zul Bin Mohammad, Pengarah Operasi Pejabat Lembangan Sg. Klang selaku Naib Pengerusi 1, KEJAPS dan Puan Kalsom Binti Mean, Pengarah Operasi, Pusat Kawalan SMART juga selaku Naib Pengerusi 2.

Program Ceramah ini telah disampaikan oleh Imam Masjid Negara, Al Fadhil Ustaz Mohd Nadzri bin Mustakim bertajuk "MuliaNya Akhlak Rasulullah SAW". Seramai 70 orang peserta terdiri daripada Ahli KEJAPS telah hadir ke program ceramah ini.



# SOLIDARITI

# PALESTINE

15 NOVEMBER 2023

#WEARGREENFORPALESTINE

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

15 November 2023, warga JPS WPKL turut serta dalam mendokong inisiatif 'Wear Green for Palestine' yang bertujuan untuk mendorong komuniti global memakai warna hijau dan meningkatkan kesedaran tentang perjuangan berterusan pengiktirafan keamanan di bumi Palestin. Di mana 15 November merupakan hari penting untuk rakyat Palestin, sempena memperingati pengisytiharan kemerdekaannya pada tahun 1988.



# PROGRAM KECERGASAN DAN KECERDASAN

OLEH : KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN, JPS WPKL (KEJAPS) & BME



Pada 14 Disember 2023, Biro Rekreasi KEJAPS & BME telah mengadakan satu program kecerdasan dan kecerdasan bagi warga JPS WPKL. Program ini dimulakan dengan sesi memanaskan badan dan senamrobik. Lebih kurang tiga (3) km. Seramai lebih kurang 40 orang telah menghadiri program ini.





Pasukan Carom



# Tahniah

PASUKAN CAROM TEMPAT KE-3 & PASUKAN DART - PERINGKAT SEPARUH AKHIR

SUKAN NRECC  
SEMPENA HARI SUKAN NEGARA  
14- 15 OKTOBER 2023



Pasukan Dart

# Tahniah

atas sumbangan idea dalam  
Pelan Tindakan Inovasi JPS WPKL





Setinggi-tinggi Tahniah diucapkan kepada YBhg. Mejar (K) Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Anuar bin Othman di atas pelantikan ke jawatan Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia yang baharu berkuatkuasa pada 26 Julai 2023.

Seluruh Warga JPS WPKL mengucapkan setinggi-tinggi Tahniah dan Selamat Bertugas kepada YBhg. Dato' Ketua Pengarah.



Sekalung Tahniah dan Penghargaan juga diucapkan kepada YBrs Ir. Hj. Mohd Azmin bin Hussin di atas penerimaan Watikah Kenaikan Pangkat Jurutera (Awam) Gred Utama JUSA (C) berkuatkuasa pada 5 September 2023.

Seluruh Warga JPS WPKL mengucapkan setinggi-tinggi Tahniah kepada YBrs Ir. Hj. Mohd Azmin bin Hussin, Pengarah JPS WPKL.



**JUTAAN** *Terima Kasih*  
**WARGA JPS WPKL**  
YANG TELAH BERTUKAR (JULAI-DISEMBER 2023)



**IR. MUHAMMAD KHUDRI**



**IR. SANDRA**



**FIRDAUS**



**SUNTARESAN**



**SITI NORLIYANA**



**NUR HALEEDA KHAN**



**ADYREZA**



**MUSTAFA KAMAL**

*Selamat Datang*  
**KE JPS WPKL**

**PENEMPATAN BARU (JULAI-DISEMBER 2023)**



**AZIMI**



**FADILAH**



**MOHAMAD HAZLAMI**



**NURWAHIDAH**



**MUHAMAD FAIRUZ AZUAN**



**ROSLINDA**




**NORHAMIMI**



**NURHAYATI**



**SHAHRUL HELMI**






**Kekal berinformasi melalui laman sesawang dan aplikasi hujung jari, MyPublic Infobanjir.**

**Mudah. Pantas. Terkini.**

<https://publicinfobanjir.water.gov.my/>

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia | @jps\_malaysia | @jps\_malaysia | www.water.gov.my



**\*\*\*DEFINISI HOTSPOT BANJIR:**  
Kawasan berisiko banjir yang mengalami kekerapan tidak kurang daripada tiga (3) kali dalam tempoh tiga (3) tahun yang terkini



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

*Travelog*

**JPS**



WILAYAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR

EDISI : JULAI - DISEMBER 2023



BAHAGIAN KORPORAT (BKOR)  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS)  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR (WPKL)  
JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50626 KUALA LUMPUR

 JPS WP Kuala Lumpur

**Jayakan Perkhidmatan Sempurna**